



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ONLINE**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM2113
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A (60 Markah)**
 BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

*Kertas soalan ini mengandungi **5** halaman bercetak termasuk muka hadapan*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan maksud gelagat organisasi.

(2 markah)

b. Jelaskan **empat (4)** ciri mengapa perbezaan individu akan memberi kesan kepada gelagat atau tingkah laku yang tertentu.

(8 markah)

SOALAN 2

Jelaskan **lima (5)** faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja bagi setiap individu.

(10 markah)

SOALAN 3

Pekerja merupakan aset terpenting dalam sebuah organisasi tetapi jika pihak pengurusan tidak mempunyai sumber maklumat yang lengkap, ia akan mewujudkan andaian dan persepsi yang negatif terhadap pekerja. Bagaimanakah langkah untuk mengurangkan kesan negatif persepsi terhadap pekerja?

(10 markah)

SOALAN 4

Pasukan kerja merupakan kumpulan yang matang dengan ahli yang saling bergantung antara satu sama lain serta sangat komited untuk mencapai satu matlamat yang sama.

a. Jelaskan **dua (2)** ciri utama bagi pasukan penyelesaikan masalah.

(4 markah)

b. Pada pendapat anda, apakah kelebihan pasukan pengurusan kendiri dalam sebuah organisasi?

(6 markah)

SOALAN 5

- a. Jelaskan **dua (2)** halangan komunikasi kepada individu.
(4 markah)
- b. Komunikasi yang berkesan amat penting dalam sesebuah organisasi kerana ia akan memberi kesan ke atas kelakuan organisasi. Sebagai Pengurus Sumber Manusia, anda dikehendaki untuk mencadangkan jenis-jenis komunikasi yang boleh diperlakukan untuk memastikan sistem komunikasi yang berkesan berlaku dalam organisasi.
(6 markah)

SOALAN 6

- a. Jelaskan **dua (2)** sumber tekanan dari faktor organisasi.
(4 markah)

KUALA LUMPUR: Hampir setengah juta rakyat di negara didapati mengalami simptom tekanan atau depresi, menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019. Beliau berkata, pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut menyebabkan tekanan emosi susulan perubahan persekitaran kerja seperti perlu bekerja dari rumah, hilang punca pendapatan dan pekerjaan serta bimbang terhadap keselamatan.

"Ada juga yang rasa ingin bunuh diri. Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari dan Jun tahun ini," katanya.

Berita Harian
10 Oktober 2020

Pernyataan 1

- b. Berdasarkan Pernyataan 1 di atas, apakah kesan buruk kepada masyarakat jika isu berkaitan tekanan ini dipandang remeh oleh sesetengah pihak?
(6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Pihak sekolah memerlukan guru yang komited, dedikasi dan bertanggungjawab untuk menjalankan tugas dan kerja yang pelbagai dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, beberapa kajian melaporkan bahawa komitmen mempunyai pertalian dangan kepuasan kerja . Guru perlu mengalami kepuasan kerja untuk membolehkan mereka lebih komited supaya mereka mampu melahirkan pelajar yang berketrampilan dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi kelak. Kajian ini berdasarkan dua teori utama iaitu Teori Dua Faktor Herzberg oleh Herzberg (1959) dan Teori Komitmen oleh Meyer dan Allen (1984). Frederick Herzberg lebih menekankan kerja sebagai perkara yang mempunyai potensi untuk menimbulkan motivasi dan kepuasan kerja.

Dengan bantuan rajah,uraikan secara terperinci Teori Dua Faktor Herzberg.

(20 markah)

SOALAN 2

Grace adalah seorang Pereka Grafik di Syarikat ANB Sdn Bhd yang terletak di Kuala Lumpur. Dia bercita-cita untuk menjadi seorang Pereka Grafik yang terkenal dan berusaha untuk membuktikan bakat dan kemampuannya kepada syarikat. Grace ditempatkan dalam pasukan yang terdiri daripada beberapa orang pekerja. Antaranya ialah Jimmy, seorang editor kanan yang sangat mahir dalam bidangnya. Grace dan rakan sepasukan amat rapat dan sering keluar bersama setelah tamat waktu bekerja.

Setelah beberapa bulan bekerja, satu majlis telah diadakan di sebuah restoran untuk meraikan kejayaan pasukannya. Ketika tiba masanya untuk pulang, Jimmy memanggil teksi dan menawarkan Grace untuk pulang bersama. Tanpa ragu-ragu, dia menerima tawaran tersebut kerana dia telah mengenali Jimmy selama beberapa bulan dan menganggap Jimmy adalah seorang yang boleh dipercayai. Ketika berada di dalam teksi, Jimmy cuba untuk mendekati Grace dan memeluknya. Akibat terkejut dengan tindakan Jimmy, Grace meminta pemandu teksi untuk berhenti dan dia meninggalkan teksi tersebut. Pada keesokan hari, Jimmy telah meminta maaf kepada Grace di atas apa yang berlaku dan kerap mengulangi ucapan maafnya setiap kali mereka berjumpa. Ini menyebabkan Grace merasa tertekan dan dia telah berkongsi masalah yang berlaku kepada salah seorang rakan sepasukan mereka. Akibatnya, sebilangan anggota pasukan hilang rasa hormat kepada Jimmy dan dia menyedari perubahan ini. Grace telah membuat keputusan untuk menerima tawaran dari syarikat lain dan meninggalkan pekerjaannya di ANB Sdn Bhd. Namun, dia tidak merasa gembira bekerja di tempat baru dan menyesali keputusannya kerana tidak berusaha lebih keras bagi menyelesaikan konflik antara dia dan Jimmy.

- i. Pada pendapat anda, apakah yang perlu Grace lakukan sebelum dia mengambil keputusan untuk meninggalkan ANB Sdn Bhd?

(5 markah)

- ii. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah proses pembentukan konflik boleh berlaku dalam sesebuah organisasi?

(15 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT